skema Jawapan: www.banksoalanspm.com



**5226/1**
**TASAWWUR**
**ISLAM**
**OKTOBER**
**2003**
**2 1/2 JAM**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
***DENGAN KERJASAMA***
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003**

**TINGKATAN EMPAT**

# TASAWWUR ISLAM

**Dua jam tiga puluh minit**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*Arahan*

1. *Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A** dan **B**.*
2. *Jawap **dua** soalan daripada **Bahagian A**, dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.*

**Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak**

5226/1 © 2003 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

## Bahagian A

**[ 40 markah ]**

Jawab **DUA** soalan sahaja

1. (a ) Setiap orang Islam mesti beriman kepada Tauhid Rububiyyah dan Tauhid Uluhiyyah.

i. Nyatakan perbezaan antara Tauhid Rububiyyah dan Tauhid Uluhiyyah
( 4 markah)

ii. Huraikan ***empat*** ciri orang yang berpegang teguh dengan ajaran beragama.
( 4 markah )

( b) Rasul-rasul yang bergelar Ulul-Azmi ialah mereka yang mempunyai kecekalan, ketabahan hati dan penuh kesabaran serta banyak menanggung penderitaan dan penentang an daripadada kaumnya ketika menyampaikan dakwah.

i. Nyatakan contoh ketabahan dan kesabaran Rasul-Rasul Ulul-Azmi berikut:

a) Nabi Muhammad (SAW.)
b) Nabi Ibrahim (AS.)
c) Nabi Nuh (AS.) (6 markah )

ii . Antara sifat yang wajib bagi rasul ialah " Fatanah " ( bijaksana ).
Jelaskan ***dua*** bukti sifat Fatanah yang dimiliki oleh Nabi Muhammad S.AW
( 4 markah )

( c ) Huraikan ***dua*** sebab mengapa Nabi dan Rasul perlu bersifat Maksum

.( 2 markah )

2. (a) " Sesungguhnya Kami ( Allah ) ciptakan manusia itu sebaik-baik kejadian" – maksud Firman Allah surah at-Tin ( ayat 4 )

i. Nyatakan ***dua*** keistimewaan manusia . ( 4 markah )
ii. Jelaskan ***tiga*** kebaikan daripada merenung dan memikirkan kejadian manusia. ( *6* markah )

(b) "Alam ciptaan Allah swt. terbahagi kepada ***dua*** iaitu alam musyahadah dan alam ghaib".

i. Jelaskan ***dua*** tujuan Allah mencipta alam ini. (4 markah )

ii.Huraikan ***tiga*** sebab mengapa Allah s.w.t merahsiakan perkara-perakara ghaib daripada pancaindera manusia. ( 6 markah )



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

3. ( a ) i. Bezakan antara memelihara dan memulihara Alam serta contohnya ( 4 markah )

ii. "Manusia di amanakan untuk mentadbir, memelihara dan memulihara alam yang serba indah ini" Berikan ***tiga*** hujjah anda kenapa alam ini waji dipelihara dan dipulihara? ( 6 markah )

( b ) i. Jelaskan ***dua*** ciri utama wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada para nabi dan rasul . ( 4 markah )

ii. "Wahyu al-Quran merupakah mukjizat terbesar daripada Allah (swt.) yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad (saw. ). Berikan ***tiga*** hujah anda untuk membuktikan kebenaran kenyataan di atas ( 6 markah )

## BAHAGIAN B

**[ 60 markah ]**

**( Jawab tiga soalan sahaja )**

4. (a) i. Berikan Pengertian al-Quran Pada Bahasa dan Istilah (4 markah )

ii. "Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur dan berperingkat -peringkat selama 23 tahun " Jelas ***tiga*** hikmat diturunkan demikian ( 6 markah )

(b) i. "Al-Quran dan Hadis saling berhubungan antara satu sama lain. Menolak salah satu atau kedua- duanya akan membawa kepada kesesatan.
Jelaskan ***tiga*** peranan dan kepentingan al-Hadis dalam hubungannya dengan al-Quran ( 6 markah )

ii. Fahaman anti Hadis ialah fahaman yang menolak Hadis" . Fahaman ini tersebar luas keseluruh pelusuk dunia .

Huraikan ***dua*** kesan fahaman tersebut kepada masyarakat. (4 markah)

5. a) Pengaruh budaya asing yang disebarkan melalui penjajahan telah berjaya mempengaruhi umat islam terutamanya golongan muda-mudi

i. Terangkan beberapa ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan ajaran Islam ( 4 markah )

ii. Cadangkan beberapa cara untuk menangani budaya asing yang semakin menular dalam masyarakat kini (6markah )

b) Senaraikan ***tiga*** ciri ajaran sesat yang anda ketahui (6Markah )

c) Islam merupakan agama samawi (langit ) yang dijamin oleh Allah (swt.)
Nyatakan ***dua*** ciri Islam sebagai agama samawi yang diiktlraf oleh Allah (4Markah)



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

6. a) i. Nyatakan pengertian Murunah dan thabat beserta contoh ( 4 markah )
ii. Jelaskan kelebihan sifat Murunah. ( 6 markah )

b) Islam mewajibkan umatnya menutup aurat untuk menjaga maruah dan kehormatan diri . Mengapakah Islam menetapkan kewajipan tersebut ( 6 markah )

c) Sistem sosial Islam dikatakan sistem hidup yang terbaik jika dibandingkan dengan sistem sosial bukan Islam. Bukti kan kebenarannya kenyataan tersebut
(4markah )

7. a) "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara"- ( maksud al-Quran Surah al- Hujurat: 10 )
Cadangkan usaha-usaha yang harus dilakukan untuk memperkukuhkan persaudaraan ukhuwah Islamiah dikalangan masyarakat. (6 markah )

b) Sistem syura merupakan suatu sistem yang dituntutrt dalam pemerintahan Islam
i. Jelaskan ***tiga*** kelebihan dan keistimewaan sistem syura ( 6 markah )

ii. Nyatakan ***dua*** kegiatan yang dapat dilaksanakan mengikut sistem syura diperingkat sekolah (4 Markah )

c) Kepimpinan yang adil dan saksama menjamin keharmonian hidup dan keselamatan negara
Jelaskan implikasi jika pemimpin negara mengabaikan tanggungjawabnya
(4Markah )

8. (a ) "Perlantikan seseorang hakim tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya".
i. Nyatakan kelayakan dan sifat seseorang hakim yang menepati syarak
( 4 Markah)

ii. Sistem kehakiman Islam adalah untuk menegakkan keadilan.Huraikan bagaimana keadilan ini dapat direalisasikan (6Markah)

b) Kecemerlangan pemerintahan Islam terus berlaku selepas kewafatan Rasulullah (saw.) . Huraikan ***dua*** factor-faktor yang membawa kepada kecemerlangan dan kemajuan pemerintahan tersebut . (4Markah )

c) " Setiap ibadat umum yang dilakukan ikhlas kerana Allah akan diberi balasan pahala" . Jelaskan ***tiga*** syarat supaya ibadat tersebut diberi pahala .

( 6 Markah )

**SOALAN TAMAT**


skema Jawapan: www.banksoalanspm.com